



Anwar terhibur dengan persembahan Najua yang menyanyikan lagu Getaran Jiwa selepas pementasan teater *Cikgu Anda* di Ampang, kelmarin. (Foto Aizuddin Saad/BH)

# PM tiada kuasa arah Peguam Negara

## Anwar nafi perguna sistem perundangan untuk balas dendam

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menolak dakwaan beliau mempergunakan sistem perundangan negara untuk membalas dendam terhadap mana-mana individu.

Anwar mendakwa, beliau sentiasa menghormati undang-undang termasuk tidak mencampuri tugas serta keputusan dibuat Peguam Negara dan hakim terhadap sesuatu pendakwaan.

“Kalau benar saya dendam, sudah ramai yang terperosok ke Penjara Sungai Buloh, tetapi saya tahu perlunya kita pertahan prinsip keluhuran undang-undang.”

“Siapa yang mahu disiasat, didakwa, itu bukan kuasa saya. Kuasa saya terhad kepada pengarah terhadap institusi keselamatan menjalankan tugas mereka dengan tegas dan berani,” tegasnya ketika berucap selepas menyaksikan pementasan teater *Cikgu Anda*, di sini malam kelmarin.

Anwar menegaskan, beliau tidak boleh mengarahkan Peguam Negara untuk mendakwa kerana sesuatu pendakwaan mesti mempunyai fakta yang kukuh.

Katanya, beliau tidak mahu menjadi pemimpin yang menggunakan kuasa untuk menindas dan menzalimi mana-mana individu.

Tegasnya, sepanjang tujuh bulan memimpin negara, setakat ini beliau tidak pernah meminda perjawatan dalam institusi kehakiman.

“Apa sahaja yang dikemukakan jawatankuasa membawa kepada Ketua Hakim Negara dihantar kepada saya, saya ikut proses sahaja. Tidak ada satu pun yang saya pinda, melainkan kalau hakim itu punyai rekod yang mungkin dipertikai,” katanya.

Justeru, beliau berkata, sudah tiba masanya tata kelola serta pentadbiran di negara ini dibersihkan tanpa wujud unsur negatif, malah politik negara perlu terhindar daripada adu domba atau merendahkan martabat pihak lain.

“Politik itu penting, saya juga mengasaskan dan memimpin parti politik dan antara parti yang bergabung,” katanya sambil menyifatkan perbuatan mencari kelemahan pihak lain adalah politik tidak matang.

### Tingkat mutu pendidikan

Pada masa sama, Perdana Menteri mengajak seluruh masyarakat supaya memberi tumpuan untuk meningkatkan mutu pendidikan dengan mengutamakan kekuatan nilai dan akhlak baik.

Beliau berkata, dengan berpandukan nilai serta akhlak, negara dapat melahirkan insan yang berilmu dan akademis kerana mengamalkan prinsip agama.

“Tidak kurang pentingnya maksud dan matlamat pendidikan itu yang ditekankan Menteri Pendidikan sekarang adalah supaya kembali kepada agama.”

“Yang kita mahu tingkatkan itu adalah manusia dengan keyakinan dengan nilai dan akhlak itu kerana percubaan di banyak negara sangat berhasil memupukkan nilai dalam pendidikan,” katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, mahu penguasaan Bahasa Kebangsaan juga dimartabatkan sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

“Kita juga perlu berusaha un-

tuk meningkatkan disiplin ilmu supaya dapat berlumba dan bersaing (seiring dengan negara lain),” katanya sambil menambah tumpuan itu harus menjadi satu gerakan dan bukannya tertumpu kepada seorang tokoh sahaja.

Terdahulu, Perdana Menteri meluangkan masa menyaksikan pementasan teater *Cikgu Anda* yang diinspirasi daripada sumbangan beliau dalam bidang pendidikan.

*Cikgu Anda* diadaptasikan ke pentas dengan mengangkat nama Yayasan Anda Akademik (YAA) iaitu institusi pendidikan swasta yang diasaskan sekumpulan siswazah universiti tempatan dan dipelopori Anwar pada Mac 1971.

Ia bertujuan menceritakan perjuangan yayasan itu dalam membantu keciciran pelajar, terutamanya di luar bandar serta kurang berkemampuan untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi.

Naskhah teater itu terbitan Persatuan Alumni Yayasan Anda Akademik Malaysia (PAYAAM) dengan kerjasama Persatuan Melodi Kenangan Artis dan Penggiat Seni Malaysia (PEMEKAR).

Teater berdurasi 90 minit itu adalah idea asal Pengerusi PAYAAM, Datuk Dr Suhaimi Ibrahim, dengan menampilkan barisan, antaranya Datuk Ahmad Tarmimi Siregar, Hairi Safwan, Abon, Najua P Ramlee, Sarah Fazy dan Eira Sabariah.

Menerusi kata-kata aluan dalam buku program persembahan itu, Anwar berkata, YAA diwujudkan atas kesedaran pemimpin belia dan mahasiswa daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Teknologi Kebangsaan kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Maktab Perguruan Islam Lembah Paritai serta Maktab Perguruan Bahasa Lembah Pantai.

BERNAMA